

ELEMEN SAINS DALAM PERIBAHASA MELAYU: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

SCIENCE ELEMENTS IN MALAY PROVERBS: A SEMANTIC ANALYSIS

Julaina NOPIAH*¹

Iffah Mawaddah MOHD HELME²

*Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh, Johor, Malaysia.*

¹*julainanopiah@iium.edu.my*

²*adahhelme@gmail.com*

Pengarang Koresponden*

Dihantar pada: 27 Ogos 2025
Submit on: 27th August 2025

Diterima pada: 18 September 2025
Accepted on: 18th September 2025

ABSTRAK

Peribahasa Melayu merupakan refleksi budaya, nilai, akal budi dan falsafah hidup masyarakat yang turut merakamkan pemerhatian tajam terhadap fenomena alam sekeliling. Kandungan sains dalam peribahasa membuktikan bahawa bahasa dan pemikiran saintifik telah lama berakar dalam budaya masyarakat Melayu, mendahului kemunculan sains moden secara formal. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis elemen sains dalam peribahasa Melayu serta menilai kerelevanan dan ketepatannya berdasarkan pemahaman sains moden. Sebanyak 30 peribahasa telah disenaraikan melalui kaedah analisis korpus dengan mengumpulkan peribahasa yang berkaitan dengan sains daripada sumber seperti Kamus Peribahasa oleh Sapinah Haji Said (2015) dan laman sesawang rasmi. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) serta analisis semantik inkuisitif dalam penganalisan data. Analisis tertumpu kepada penerokaan elemen sains dalam tiga cabang utama, fizik, kimia dan biologi dengan merujuk kepada tiga peribahasa yang dipilih, iaitu (i) *menatang minyak yang penuh* (fizik), (ii) *mencurah air ke daun keladi* (kimia), dan (iii) *haruan makan anak* (biologi). Hasil kajian mendapati terdapat perkaitan yang signifikan antara prinsip sains moden dengan falsafah dan akal budi masyarakat Melayu yang berasaskan pemerhatian teliti terhadap alam. Kajian ini juga diharapkan mampu memberi sumbangan bermakna kepada penyelidikan peribahasa, khususnya yang menggunakan semantik inkuisitif sebagai kerangka analisis.

Kata kunci: Peribahasa Melayu, elemen sains, semantik inkuisitif, akal budi, falsafah masyarakat Melayu

ABSTRACT

Malay proverbs reflect the culture, values, intellect and life philosophy of the Malay society while recording their keen observations of natural phenomena. The scientific content embedded in these proverbs demonstrates that scientific thinking and linguistic expression had long been rooted in Malay culture, preceding the formal emergence of modern science. Accordingly, this study aims to analyze the scientific elements in Malay proverbs and assessing their relevance and validity in relation to contemporary scientific concepts. A total of 30 proverbs were compiled through corpus analysis by collecting science-related proverbs from sources such as the Kamus Peribahasa Melayu by Sapinah Haji Said (2015) and certified website. This research adopts a qualitative design, applying the Rangka Rujuk Silang (RRS) and inquisitive semantic analysis in the data analysis process. The analysis focuses on exploring scientific elements in three main branches, physics, chemistry, and biology by examining three selected proverbs: (i) *menatang minyak yang penuh* (physics), (ii) *mencurah air ke daun keladi* (chemistry), and (iii) *haruan makan anak* (biology). The findings reveal a significant correlation between modern scientific principles and the philosophy and wisdom of the Malay society, which were shaped through observation of the natural world. This study is expected to contribute to proverb research, particularly those employing inquisitive semantic as the analytical framework.

Keywords: Malay proverbs, scientific elements, inquisitive semantics, cultural worldview, Malay communities

Pengenalan

Masyarakat Melayu tradisional terkenal dengan kepekaan mereka terhadap alam sekitar yang dapat dilihat melalui peribahasa, terhasil berdasarkan pemerhatian terhadap fenomena alam. Contohnya, peribahasa seperti “air pun ada pasang surutnya” menggambarkan kefahaman tentang fenomena pasang surut air laut, manakala “minyak dengan air tidak bercampur” menunjukkan pengetahuan tentang sifat fizik bahan. Perkara ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu terdahulu memiliki pemahaman saintifik yang mendalam, walaupun tanpa pendidikan formal dalam bidang sains. Sains adalah bidang pengkajian ilmu yang membincangkan tentang pelbagai perkara yang berlaku di dunia sama ada, secara fizikal dan sosial. Melalui konteks ini, peribahasa Melayu dan ilmu sains saling berkait rapat, kerana mesej-mesej tersirat yang dinyatakan dalam peribahasa memberikan makna mendalam, bukan sahaja dari sudut akal pemikiran bahkan terhadap ilmu sains dan pemerhatian alam sekeliling.

Menurut Low et al. (2024) peribahasa Melayu ialah warisan budaya yang mengandungi ungkapan kiasan dan nasihat yang diwarisi turun-temurun, secara tidak langsung mencerminkan pengalaman hidup, adat dan nilai masyarakat Melayu yang digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian. Masyarakat Melayu amat menitikberatkan konsep “menjaga air muka” dalam berkomunikasi, terutamanya ketika menegur kesilapan seseorang di samping tidak menyinggung perasaan individu yang ditegur tersebut. Oleh itu, penggunaan peribahasa dan ungkapan kiasan menjadi medium yang efektif untuk menyampaikan teguran secara halus dan beradab.

Melihat menerusi lensa yang lebih luas, peribahasa Melayu mencerminkan pemerhatian masyarakat terhadap alam semula jadi, tingkah laku manusia, dan fenomena sosial. Pelbagai seni keunikan dan elemen nasihat yang disampaikan melalui peribahasa yang perlu diterokai supaya masyarakat kini dapat menjadikan peribahasa-peribahasa Melayu ini sebagai panduan justeru membuka mata masyarakat tentang ketinggian akal budi masyarakat Melayu terdahulu. Sehubungan dengan itu, melalui pendekatan semantik inkuisitif, kajian terhadap peribahasa dapat mendedahkan elemen-elemen sains yang terkandung secara tersirat, seperti konsep dalam bidang fizik, kimia dan biologi. Sebagai contoh, peribahasa yang berkaitan dengan unsur alam atau tingkah laku haiwan sering kali mengandungi pengetahuan saintifik yang disampaikan secara simbolik. Melihat kepada perkaitan antara dua perkara, iaitu sains dan peribahasa Melayu, masyarakat boleh memahami kandungan isi tersirat dengan lebih baik serta menghargai kebijaksanaan akal budi masyarakat Melayu.

Meneliti arus kemodenan dan globalisasi ini, nilai warisan bahasa seperti peribahasa Melayu dilihat semakin terpinggir dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi muda. Peribahasa yang dahulunya menjadi medium penting dalam menyampaikan nasihat dan falsafah hidup sudah dianggap tidak relevan dengan perkembangan semasa. Fenomena ini dapat dibuktikan melalui kajian oleh Makhtar dan Aminorhuddin (2024) yang menunjukkan bahawa tahap penguasaan peribahasa dalam kalangan murid sekolah rendah sangat rendah. Terdapat segelintir pelajar yang tidak dapat memahami langsung makna asas peribahasa, apatah lagi mentafsir kandungan tersiratnya. Hal ini menunjukkan bahawa penghargaan terhadap warisan budaya bahasa semakin merosot dan boleh mengakibatkan generasi kini kehilangan nilai dan identiti asal mereka.

Pada masa yang sama, meskipun peribahasa Melayu mengandungi unsur pemerhatian yang bersifat saintifik, kajian akademik yang menghubungkan peribahasa

dengan ilmu sains moden masih kurang dilaksanakan. Kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada aspek linguistik, nilai moral, dan budaya, manakala elemen saintifik yang terkandung dalam peribahasa tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Hal ini telah mewujudkan jurang dalam pemahaman holistik terhadap peribahasa yang berperanan bukan sekadar alat bahasa, tetapi juga sebagai rakaman pemikiran saintifik tradisional masyarakat Melayu. Kajian oleh Wilda, D. R., Hermandra, H., & Sinaga, M. (2024). membuktikan bahawa banyak peribahasa Melayu yang mengandungi elemen semula jadi seperti air, api, tanah dan angin yang boleh ditafsirkan dari sudut konsep sains moden seperti fizik, kimia dan biologi. Melalui pendekatan semantik inkuisitif, elemen-elemen ini dapat dianalisis untuk menunjukkan pembuktian kepada masyarakat Melayu tradisional yang sebenarnya memiliki kesedaran saintifik yang diungkapkan secara simbolik dalam bahasa. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang penyelidikan sedia ada dengan meneliti elemen sains yang terkandung dalam peribahasa Melayu secara sistematik. Kajian ini juga penting untuk memperlihatkan kebijaksanaan akal budi masyarakat Melayu terdahulu yang boleh diangkat kembali dalam konteks pendidikan moden yang menekankan integrasi ilmu budaya dan sains.

Kajian ini diasaskan pada kepercayaan bahawa peribahasa Melayu mengandungi maklumat saintifik yang boleh dikaji semula melalui pendekatan semantik inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan kebijaksanaan dan daya fikir masyarakat Melayu dalam memahami dunia sekeliling melalui bahasa yang sarat dengan simbol dan makna. Kajian ini bukan sahaja berperanan memperkaya bidang linguistik dan sains sosial, malah berpotensi menyumbang kepada pedagogi pendidikan sains dan bahasa di sekolah. Pemahaman terhadap elemen sains dalam peribahasa juga dapat membantu memelihara warisan budaya dan ilmu tempatan yang selaras dengan pemikiran saintifik moden. Maka, kajian ini dilaksanakan bagi memahami cara masyarakat Melayu tradisional mengintegrasikan ilmu sains di sebalik kebijaksanaan butir bicara mereka.

Objektif Kajian

Sesuatu kajian akan menjadi lebih teratur jika batas dan objektif kajian dijadikan sebagai garis panduan. Dengan adanya ruang lingkup yang ditetapkan, tumpuan kajian menjadi lebih tepat dan mantap. Justeru, kajian ini berlandaskan dua objektif utama, iaitu:

- a) Mengetahui pasti elemen sains, iaitu fizik, kimia dan biologi dalam peribahasa Melayu.
- b) Meneliti hubungan antara konsep ilmu sains dan falsafah serta akal budi masyarakat Melayu yang terkandung dalam peribahasa Melayu.

Sorotan Kajian

Beberapa kajian terdahulu telah menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif untuk menganalisis peribahasa Melayu, khususnya dalam mengungkap akal budi, nilai budaya, dan pandangan hidup masyarakat. Misalnya, kajian oleh Md Nasir dan Subet (2024) membuktikan keberkesanan semantik inkuisitif dalam membentuk kaedah pembelajaran peribahasa berasaskan pertanyaan soalan di peringkat sekolah menengah. Dapatan menunjukkan bahawa kerangka ini mampu mencungkil makna dalam peribahasa serta membina kemahiran berfikir secara kritis. Saimon dan Md Rashid (2022) pula meneliti konsep kepimpinan dalam peribahasa Melayu, manakala kajian oleh Dewek dan Ali (2024) mengaplikasikan pendekatan ini untuk menganalisis imej anggota badan dalam peribahasa

Sarawak. Selain itu, Nopiah et. al. (2017) menyorot elemen dualisme seperti padi-lalang dan asam-garam sebagai lambang pertentangan yang sarat dengan falsafah hidup. Kesemua kajian ini mengesahkan bahawa pendekatan semantik inkuisitif berupaya merungkai makna tersirat dan menghubungkaitkan akal budi masyarakat Melayu.

Selain pendekatan inkuisitif, terdapat juga kajian yang mengaplikasikan semantik kognitif untuk meneliti makna metafora dalam peribahasa. Hermandra et. al. (2024) menggunakan kerangka ini untuk menganalisis metafora berasaskan air dalam peribahasa Melayu yang dilihat sebagai lambang nilai kehidupan. Di samping itu, kajian oleh Kasdan et. al. (2025) mengkaji simbol naga dalam peribahasa Melayu sebagai representasi mitos dan kuasa, manakala Amran dan Nopiah (2020) menganalisis perlambangan burung yang dikaitkan dengan nilai moral dan kesantunan. Kajian Isam dan Abd Mutalib (2017) pula menyorot aspek linguistik kognitif dengan melihat makna asas yang mampu berkembang menjadi pelbagai makna kiasan dan metafora, bukan kepada dimensi saintifik yang mungkin tersirat dalam simbol berkenaan. Kajian-kajian ini memperlihatkan kecenderungan untuk menyorot elemen budaya dan simbolisme alam, tetapi lebih menekankan aspek perlambangan kognitif berbanding penerokaan elemen sains secara langsung.

Sebahagian kecil kajian mula menampakkan kesedaran terhadap perkaitan antara peribahasa dan sains, khususnya dari sudut biologi, ekologi dan geografi. Sebagai contoh, Che Man, Jalaluddin dan Kasdan (2022) meneliti hubungan geografi maritim dengan pantun Melayu dan menghuraikan “kenapa” bentuk muka bumi seperti “tanjung” dijadikan metafora kasih sayang. Kajian ini membuktikan bahawa pengamatan masyarakat Melayu terhadap alam sekitar telah diterjemahkan dalam bentuk simbolik. Walau bagaimanapun, aspek saintifik hanya disentuh secara umum, tanpa analisis mendalam terhadap elemen-elemen khusus dalam fizik, kimia atau biologi yang tersirat dalam peribahasa.

Sorotan kajian ini menunjukkan bahawa penelitian terhadap peribahasa Melayu lebih banyak tertumpu pada aspek akal budi, moral dan perlambangan budaya. Pendekatan semantik inkuisitif membuktikan keberkesannya dalam mencungkil makna tersirat, manakala semantik kognitif memberi fokus pada perbincangan metafora dan simbol alam. Namun, dapatan berkaitan dengan elemen sains dalam peribahasa masih kurang diketengahkan secara sistematik. Elemen biologi dan ekologi sering muncul dalam bentuk perlambangan haiwan atau tumbuhan, tetapi analisis mendalam yang menghubungkaitkan peribahasa dengan konsep fizik atau kimia jarang dibincangkan. Kekurangan ini menimbulkan jurang penyelidikan yang wajar diisi. Kajian ini penting kerana usahanya dalam menghubungkan bahasa, sains dan budaya dengan mengaplikasikan semantik inkuisitif serta RRS untuk mentafsir makna saintifik yang tersirat dalam peribahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini tidak hanya memperluas bidang penyelidikan linguistik dan semantik, malah turut mengangkat peribahasa sebagai wahana pemikiran saintifik masyarakat Melayu yang lahir daripada pemerhatian teliti terhadap fenomena alam.

Metodologi kajian

Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif bagi mencapai objektif dengan tepat dan sesuai. Menurut Wahab et. al. (2023), pendekatan kualitatif membolehkan pengkaji menelusuri makna tersirat dalam peribahasa melalui analisis semantik inkuisitif. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data untuk menghimpun data-data melalui bahan bertulis seperti kamus, dan juga secara digital melalui pangkalan data atau laman web sesawang rasmi bagi mencapai objektif kajian. Penulis telah mengumpulkan 30 peribahasa

dan telah memilih tiga daripadanya melalui dua kaedah pengumpulan data, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Melalui kaedah ini, penulis meneliti dan menganalisis karya-karya terdahulu untuk mendapatkan maklumat berkaitan konsep, teori, serta dapatan kajian lepas mengenai peribahasa Melayu dan elemen sains yang terkandung di dalamnya. Data peribahasa kajian ini pula dikumpulkan melalui kajian kepustakaan dengan merujuk kepada sumber-sumber seperti Kamus Peribahasa Melayu oleh Said (2015) dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kaedah analisis teks juga digunakan untuk meneliti struktur dan makna peribahasa yang telah dikumpulkan. Subet, M. F., & Md Nasir, M. R., (2019) menyatakan bahawa analisis teks membolehkan pengkaji memahami makna peribahasa secara mendalam melalui pendekatan semantik inkuisitif. Kaedah ini melibatkan pemerhatian dan tafsiran secara berstruktur terhadap teks peribahasa Melayu yang mengandungi elemen saintifik melalui simbolik yang digunakan merujuk kepada makna peribahasa.

Kaedah penganalisan data akan dilakukan oleh penulis menerusi tiga peribahasa yang dipilih, berkonsepkan ilmu sains termasuk pengamatan kepada akal budi Melayu. Melalui langkah ini juga, pembahagian peribahasa mengikut kategori seperti elemen fizik, kimia dan biologi berdasarkan bidang kajian sains. Analisis data yang dilakukan adalah dengan mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif menggunakan sub konsep RRS dalam Teori Relevans yang diasaskan oleh Wilson serta Sperber (1986) dengan berpandukan data korpus daripada pangkalan korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Proses penganalisan data dalam kajian ini melibatkan tiga tahap utama, iaitu pemerhatian (semantik skrip), proses kognitif (semantik resonans), dan penerokaan falsafah serta akal budi Melayu (semantik inkuisitif). Tahap pertama, pemerhatian atau semantik skrip, merujuk kepada langkah awal, iaitu setiap peribahasa dan maknanya diperhatikan dengan teliti. Setelah pemerhatian, proses seterusnya ialah proses kognitif atau semantik resonans yang mengkaji hubungan kait antara makna dan perlambangan peribahasa serta interaksi keduanya dalam minda penutur. Pada peringkat ini, fokus utama adalah pada cara individu atau masyarakat Melayu mentafsir dan memproses makna peribahasa tersebut berdasarkan pengalaman dan pengetahuan mereka. Kaedah RRS telah diaplikasikan kepada data yang diperoleh daripada korpus DBP. Kaedah RRS digunakan bagi mentafsir makna peribahasa pada peringkat kognitif. Rujukan silang antara konteks penggunaan membolehkan peluasan makna dikaji secara sistematik berdasarkan data linguistik yang sebenar. Proses terakhir adalah usaha mencungkil falsafah, nilai dan akal budi Melayu dengan lebih mendalam melalui semantik inkuisitif. Pada tahap ini, persoalan "kenapa?" digunakan untuk menggali pemahaman yang lebih luas mengenai peribahasa, merangkumi makna literal, nilai dan prinsip yang mendasari peribahasa tersebut. Keseluruhannya, ketiga-tiga tahap ini membentuk satu rangka analisis yang sistematik, komprehensif, dan reflektif dalam usaha memahami makna peribahasa Melayu secara menyeluruh. Analisis ini memperlihatkan suatu peribahasa bukan sahaja mengandungi makna bahasa, malah mencerminkan pandangan hidup, nilai budaya, serta kebijaksanaan kolektif masyarakat. Rajah 1 memaparkan proses yang terlibat dalam menganalisis data melalui pendekatan semantik inkuisitif.

Rajah 1

Kerangka Semantik Inkuisitif (Jalaluddin, 2014, 2017)



Dapatan dan Perbincangan

Penganalisan Peribahasa Elemen Fizik

Bahagian ini akan menganalisis satu peribahasa berkaitan ilmu fizik. Setiap perkaitan yang dijalinan adalah berdasarkan simbolisme yang digunakan dalam peribahasa, mencerminkan konsep fizik dan akal budi masyarakat Melayu.

Data 1:

Elemen	Peribahasa	Maksud
Fizik	Menatang minyak yang penuh	Dijaga dengan sempurna kerana sangat dikasihi

Tahap 1: Semantik Skrip

Data bagi peribahasa *menatang minyak yang penuh* membawa maksud cara membawa sesuatu yang sangat bernilai, menggambarkan perbuatan menjaga atau memelihara sesuatu dengan amat berhati-hati dan penuh kasih sayang. Simbolik kepada nilai terhadap seseorang yang disayangi, misalnya terhadap anak, kekasih atau tanggungjawab besar.

Tahap 2: Semantik Resonans

Peribahasa ini berkenaan dengan perlakuan seseorang yang berhati-hati dalam menjaga sesuatu yang berharga. Berikut merupakan contoh penggunaan peribahasa tersebut serta huraian proses kognitif yang berlaku dalam minda penutur Melayu.

- ii. Babu Munah, ibu angkatku, mempunyai dua orang anak – Syukri dan Nana. Mereka disayang ****seperti menatang minyak yang penuh****, tidak boleh tertitis, apalagi tertumpah. Segala keistimewaan milik mereka. Aku pula anak angkat, tiada hak untuk bersuara, jauh sekali untuk meminta. Tetapi, aku masih bersyukur kerana dapat perlindungan daripada hujan dan panas. Aku yakin bahawa setiap kesenangan itu harus dimulai dengan kesusahan. Semoga Tuhan terus mendengar suara hatiku ini.

(Dayangku Mastura. Harum Kasih Daun Irik. Sastera, 2016)

- ii. Jika awak boleh kata ayah saya seorang hero, mengapa saya tidak? Dia sudah menjaga saya sejak kecil lagi. Segala keperluan saya, abah saya penuhi dengan sempurna. Ayah menjaga saya bagai ****menatang minyak yang penuh****. Salahkah saya katakan bahawa ayah saya seorang hero? Sekurang-kurangnya, dia hero pada mata saya walaupun dia bukan hero pada mata dunia seperti hero-hero dalam buku ini.

(Salina Ibrahim. Kapten Malaysia. Umum, 2020)

Berdasarkan data 1 di atas, pengaplikasian RRS terhadap peribahasa *menatang minyak yang penuh* dalam kedua-dua konteks menunjukkan penggunaannya bagi menggambarkan kasih sayang yang amat mendalam dan tidak berbelah bahagi terhadap seseorang. Kedua-dua data ini membuktikan bahawa peribahasa tersebut membawa makna tersendiri dan digunakan dengan signifikan dalam konteks tertentu yang melibatkan hubungan kasih sayang.

Pembuktian linguistik yang terdapat dalam ayat (i) menunjukkan bahawa peribahasa *menatang minyak yang penuh* ini merujuk kepada kasih sayang Babu Munah terhadap anak kandungnya Syukri dan Nana, melebihi kasihnya terhadap anak angkat. Berdasarkan ayat (i), peribahasa ini dapat difahami dengan bantuan premis tambahan. Banyak premis tambahan dalam ujaran yang akan membekalkan maklumat kepada pendengar untuk mencapai matlamat bagi memahami makna ujaran ini. Makna sebenar yang hendak disampaikan kepada pendengar/pembaca peribahasa ini adalah menggambarkan kasih sayang yang mendalam terhadap seseorang. Kemunculan leksikal 'menatang' dalam ayat tersebut menjadi premis tambahan untuk membantu pendengar menginterpretasi makna sebenar ujaran. Berdasarkan makna harfiah (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2015), leksikal 'menatang' bermaksud "membawa sesuatu di atas kedua-dua tapak tangan", manakala frasa 'menatang minyak yang penuh' pula "menggambarkan perbuatan yang dilakukan dengan penuh berhati-hati dan teliti agar tidak tertumpah". Hal ini diperkuatkan melalui frasa "tidak boleh tertitis, apalagi tertumpah", yang menunjukkan penjagaan rapi dan kasih sayang mendalam yang diberikan.

Tambahan pula, frasa "segala keistimewaan milik mereka" memaparkan kelebihan yang dinikmati oleh anak kandung berbanding anak angkat, seperti yang dinyatakan dalam frasa "aku pula anak angkat, tiada hak untuk bersuara, jauh sekali untuk meminta". Perbezaan layanan ini mencerminkan realiti sosial masyarakat yang sering kali membezakan antara anak kandung dan anak angkat. Menerusi konteks ujaran ini, peribahasa yang tidak mempunyai anteseden dapat difahami dengan bantuan premis-premis tambahan. Pendengar/pembaca dapat memahami makna sebenar peribahasa 'seperti menatang

minyak yang penuh' apabila meneliti setiap premis tambahan yang ada. Berdasarkan konteks dalam ayat (i) ciri-ciri kasih sayang dan sifat berhati-hati dalam menjaga sesuatu yang berharga yang ditunjukkan melalui frasa 'disayang', 'tidak boleh tertitis', 'apalagi tertumpah' membantu pendengar/pembaca mentafsir makna peribahasa tersebut sebagai 'dijaga dengan sempurna kerana sangat dikasihi'.

Seterusnya, makna peribahasa dalam data korpus (ii) pula dapat difahami dengan kehadiran beberapa premis tambahan dalam ujaran tersebut, contohnya frasa "dia sudah menjaga saya sejak kecil lagi" dan "segala keperluan saya, abah saya penuhi dengan sempurna". Walaupun dengan ketiadaan anteseden dalam konteks ujaran, pembaca mula memahami bahawa tindakan bapa yang sayangkan anaknya itu sanggup mengabdikan "segala keperluan" yang merujuk kepada permintaan-permintaan anaknya. Frasa "segala keperluan" juga mencakupi pelbagai aspek seperti penjagaan kesihatan, pendidikan serta keperluan harian yang menunjukkan kasih sayang yang menyeluruh dan tidak terhingga. Melalui konteks ujaran ini, bantuan premis tambahan ini telah memperlihatkan gambaran kasih sayang dan tanggungjawab besar yang dipikul oleh seorang bapa dalam membesarkan anaknya. Proses membesarkan anak melibatkan pelbagai bentuk pengorbanan, dari aspek kewangan, masa, tenaga dan emosi sejak anak dilahirkan sehinggalah mencapai usia dewasa.


Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Makna peribahasa *menatang minyak yang penuh* dapat ditafsirkan dengan memahami bahawa peribahasa ini menggambarkan keadaan seseorang yang bersikap berhati-hati dan penuh cermat dalam membawa minyak yang tidak berpenutup dan penuh hingga ke permukaan. Tindakan ini memerlukan tahap perhatian yang sangat teliti agar minyak tersebut tidak tumpah ke tanah dan menjadi sia-sia, sekali gus tidak dapat dimafaatkan. Menerusi konsep fizik, minyak mempunyai ciri-ciri tertentu yang menyumbang kepada kerumitan dalam pengendaliannya. Minyak ialah sejenis cecair bersifat licin, tidak berketub, sukar bercampur dengan air dan mudah mengalir. Kelikatannya pula berada pada tahap sederhana, iaitu lebih rendah daripada cecair pekat seperti madu dan lebih tinggi daripada air. Permukaan minyak cenderung tidak melekat pada permukaan dinding bekas, menjadikannya sangat mudah bergerak dan berisiko untuk tertumpah sekiranya bekas itu tidak stabil atau terlalu penuh. Keadaan ini secara langsung berkait rapat dengan konsep-konsep fizik seperti keseimbangan daya, inersia dan geseran. Konsep keseimbangan daya ($F=0$) dalam fizik merujuk kepada keadaan apabila jumlah vektor daya yang bertindak ke atas sesuatu objek itu adalah seimbang, menyebabkan objek tersebut kekal dalam keadaan pegun (statik) atau terus bergerak dengan halaju malar tanpa pecutan (Roseli, S 2021). Melihat konteks ini, daya graviti yang bertindak ke atas minyak dan bekasnya perlu ditampung sepenuhnya oleh daya normal daripada tangan yang menatang.

Sekiranya daya yang dikenakan oleh tangan tidak seimbang dengan daya graviti, maka minyak akan cenderung untuk tertumpah. Ini menunjukkan bahawa dalam memastikan minyak kekal stabil di dalam bekas yang penuh, daya paduan (resultan) mestilah sifar agar keseimbangan dapat dikekalkan sepanjang pergerakan. Jika keseimbangan ini terganggu, contohnya apabila tangan bergerak terlalu cepat atau terlalu condong ke kiri, kanan, depan, atau belakang, maka daya paduan itu tidak lagi menjadi sifar, lalu menyebabkan minyak mudah mengalir keluar atau tertumpah. Oleh itu, pengendali perlu mengawal semua daya yang bertindak, termasuk menyesuaikan halaju serta arah pergerakan tangan agar kestabilan minyak dalam bekas adalah seimbang.

Rajah 2

Konsep Keseimbangan Daya



Sumber imej: Ihsan melalui janaan Aplikasi ChatGPT

Pengawalan daya dalam situasi ini memperlihatkan betapa cermatnya seseorang dalam menjalankan tugas yang melibatkan risiko tumpahan walaupun sedikit. Namun demikian, pemilihan simbol ini bukanlah semata-mata kerana sifat fizikalnya tetapi mempunyai nilai semantik dan simbolik yang sangat mendalam. Menurut Isam dan Abd. Mutalib (2017), simbol minyak bukan sekadar cecair fizikal, malah turut menonjolkan pelbagai aspek kehidupan dan sifat manusia termasuk, status sosial, sikap, perlakuan, perasaan dan keadaan tertentu. Minyak melambangkan sesuatu yang bernilai, memerlukan perhatian teliti dan penjagaan yang berterusan. Melalui peribahasa ini, minyak digambarkan sebagai anak atau tanggungjawab yang perlu dipelihara dengan penuh kasih sayang dan kesabaran. Jika gagal dijaga, “minyak” itu mudah tertumpah menggambarkan sesuatu yang bernilai boleh musnah atau hilang.

Lanjutan daripada itu, falsafah yang dapat dicungkil melalui perkaitan elemen fizik dengan peribahasa “menatang minyak yang penuh”, ialah konsep keseimbangan dalam memberi kasih sayang terhadap anak. Minyak pada hakikatnya mempunyai sifat yang licin dan mudah tertumpah. Bukan itu sahaja, sekiranya tertumpah ke lantai, untuk membersihkan permukaan yang tertumpah itu juga lebih leceh berbanding dengan air atau pasir yang tertumpah. Sekiranya terjadi tumpahan minyak, seseorang itu perlu terlebih dahulu menggunakan kain kering untuk mengelap cecair minyak tersebut, diikuti dengan kain basah untuk menghilangkan permukaan licin yang ditinggalkan oleh minyak tersebut. Selain itu, sekiranya dilihat pada kesan selepas tumpahan itu, seseorang individu akan lebih berpotensi untuk tergelincir dan terjatuh dengan mudah apabila minyak yang tertumpah berbanding air atau pasir.

Sekiranya dilihat dari sudut fizik, pengendali minyak perlu menyeimbangkan antara bebanan yang ditatang dengan daya yang dikenakan ke atas pegangan bekas untuk memastikan bekas tatangan itu berada dalam keadaan stabil mencapai keseimbangan daya. Perlakuan hati-hati ini memberi gambaran kepada ibu bapa supaya menumpukan perhatian yang seimbang kepada anak, tidak boleh terlalu dimanjakan risau akan ‘naik kepala’ dan juga tidak boleh terlalu berkeras risau hanya mengumpul perasaan dendam dan benci dalam kehidupan anak. Simbolik kepada minyak yang tertumpah pula menggambarkan situasi sekiranya anak itu dibiarkan tertumpah, iaitu terjatuh ke lubang kegelapan, terlibat dalam gejala sosial, maka, mudaratlah kehidupan anak itu dan hancurlah hati ibu bapanya. Masyarakat Melayu menekankan bahawa dalam menjaga anak atau sesuatu yang bernilai, tidak boleh ada kecuaihan. Oleh itu, konsep keseimbangan daya dalam fizik inilah yang

menjadi sandaran terhadap konsep keseimbangan kasih sayang ibu bapa terhadap anak, maka, falsafah Melayu merujuk kepada tindakan menjaga keseimbangan dalam memberikan kasih (hati-hati) terhadap anak, membawa kepada maksud sebenar peribahasa “dijaga dengan sempurna kerana sangat dikasihi”.

Penganalisisan Peribahasa Elemen Kimia

Bahagian ini akan menganalisis satu peribahasa berkaitan ilmu kimia. Setiap perkaitan yang dijalinan adalah berdasarkan simbolisme yang digunakan dalam peribahasa, mencerminkan konsep kimia dan akal budi masyarakat Melayu.

Data 2:

Elemen	Peribahasa	Maksud
Kimia	Mencurah air ke daun keladi	Sukar ditunjuk ajar atau dinasihati

Tahap 1: Semantik Skrip

Data bagi peribahasa *mencurah air ke daun keladi* membawa pengertian kepada seseorang yang enggan menerima nasihat walaupun telah diberikan secara berulang kali, nasihat atau ajaran itu tidak memberi kesan kepada penerima menjadikan perbuatan tersebut hanyalah usaha yang tidak membawa sebarang kesan.

Tahap 2: Semantik Resonans

Peribahasa *mencurah air ke daun keladi* merujuk kepada perlakuan memberikan nasihat, ajaran, atau usaha yang sia-sia kerana tidak dapat diterima oleh orang yang diberi nasihat tersebut. Tindakan ini melambangkan usaha yang tidak membuahkan hasil kerana orang yang disampaikan nasihat tidak mengubah sikap atau tindakannya meskipun telah diberi peringatan. Berikut merupakan contoh penggunaan peribahasa tersebut serta penghuraian pada peringkat kognitif masyarakat Melayu.

- i. Sebenarnya kira-kira RM50, 000 diperuntukkan setiap tahun untuk membersihkan sungai dan parit sekitar Bukit Pelandok, tetapi ibarat ****mencurah air di daun keladi,**** program itu sudah tentu kurang berkesan jika punca pencemaran, najis babi terus dilepaskan ke dalam sungai dan parit.

(Ziauddin Sharuddin. Bukit Pelandok. Akhbar, 1999)

- ii. Wak nak marah dia pun tak guna. Dah bertahun-tahun semua golongan kaki pancing marah kat Sally, tapi dia buat endah tak endah. Masuk telinga kiri keluar telinga kanan... sama macam ****mencurah air kat daun keladi,**** Air hilang entah ke mana, daun keladi pula langsung tak basah.

(Sally: Boleh dibaca, usaha dipercaya. Akbar, 2020)

Data 2 di atas memaparkan senarai penggunaan peribahasa *mencurah air ke daun keladi* yang dapat dikumpulkan melalui data korpus sekali gus menjadi pembuktian kukuh dalam menganalisis makna serta penggunaannya. Menerusi kaedah RRS, kedua-dua data ini dapat diteliti maknanya mengikut konteks situasi yang tertentu. Penggunaan peribahasa ini dapat dilihat melalui contoh-contoh data korpus yang telah dipilih.

Berdasarkan data (i), peribahasa *mencurah air ke daun keladi* ini merujuk kepada peruntukan dan usaha pembersihan parit di kawasan sekitar Bukit Pelandok. Ketiadaan anteseden dalam penggunaan peribahasa pada konteks ujaran data (i) dibantu oleh kehadiran premis tambahan dalam frasa “sudah tentu kurang berkesan” memberi pemahaman kepada pembaca bahawa usaha pembersihan sungai itu adalah suatu usaha yang sia-sia selagi isu utama tidak diselesaikan. Premis tambahan lain yang menyokong kepada kefahaman makna peribahasa terdapat dalam frasa “punca pencemaran, najis babi masih dilepaskan ke dalam sungai” yang secara tidak langsung membuktikan usaha pemberi dana tersebut tidak menepati isu atau masalah sebenar pencemaran yang berlaku di dalam sungai tersebut. Walaupun dana yang besar yang besar diperuntukkan setiap tahun, pencemaran tetap berlaku kerana najis babi, punca utama pencemaran masih dibiarkan bebas dalam sistem perairan. Konteks ujaran ini sesuai dengan makna peribahasa “mencurah air ke daun keladi” yang bermaksud sukar mendengar nasihat mengakibatkan usaha yang dilakukan menjadi sia-sia.

Seterusnya, bagi data (ii) pula, makna peribahasa itu merujuk kepada Sally yang sukar untuk mendengar nasihat daripada orang sekeliling walaupun telah ditegur berkali-kali. Hal ini dapat dibuktikan dengan kehadiran anteseden tersirat dalam frasa “dia buat endah tak endah sahaja”. Seterusnya, makna peribahasa ini juga didukung oleh premis tambahan dalam frasa “dah bertahun-tahun” menunjukkan bahawa nasihat yang diberikan kepada Sally sudahpun diulang beberapa kali selama bertahun lamanya namun Sally masih tidak menuruti nasihat yang telah diberikan kepadanya. Beberapa premis tambahan lain yang turut memberi pengukuhan terhadap makna peribahasa antaranya dalam frasa “masuk telinga kanan, keluar telinga kiri” menggambarkan sikap Sally yang enggan mendengarkan suatu nasihat yang sudah berulang kali diberikan kepadanya. Premis tambahan lain pula ada menyifatkan makna literal peribahasa secara langsung, iaitu dalam frasa “air hilang entah ke mana, daun keladi pula langsung tak basah”. Daun keladi yang bersifat licin dan tidak menyerap air, jadi apabila air dicurahkan ke atas daun keladi, air itu akan mengalir dan tidak melekat atau meresap ke dalam daun tersebut, sehingga usaha mencurahkan air itu menjadi sia-sia. Dengan kehadiran premis-premis tambahan ini telah membantu pembaca/pendengar untuk mendapat penjelasan makna yang tepat melalui konteks ujaran tersebut. Oleh sebab itu, daun keladi menjadi simbol yang tepat untuk menggambarkan keadaan apabila nasihat atau usaha tidak diterima atau berkesan.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif



Rajah 3 Imej Air Pada Permukaan Daun Keladi


Sumber Imej: <https://images.app.goo.gl/wm8xyqK3rjdn8G1CA>

Simbol daun keladi dalam peribahasa *mencurahkan air ke daun keladi* berkait rapat dengan sifat fizikal dan kimia daun keladi yang menyebabkan air tidak mudah diserap atau melekat pada permukaannya, sehingga air akan mengalir dan terus jatuh ke tanah. Daun keladi (*caladium*) adalah sejenis tumbuhan daripada kategori *Araceae* yang boleh ditemukan di selatan India dan Asia Tenggara, tumbuhan ini mudah dikenali dengan daunnya yang lebar berbentuk hati dengan saiz dan warna yang bergantung kepada spesiesnya (Juhari, 2024). Daun keladi mempunyai lapisan lilin yang bersifat hidrofobik (menolak air), menyebabkan air yang dicurahkan ke atasnya tidak diserap dan mudah mengalir turun tanpa melekat (Utami, 2024). Ini ialah sifat umum daun tumbuhan yang membantu mengurangkan kehilangan air dan melindungi daun daripada kelembapan yang berlebihan. Menurut Sulastri, L., & Simanjuntak, P. (2019), daun keladi mengandungi pelbagai kandungan kimia seperti flavonoid, saponin, steroid, triterpenoid, dan kalsium oksalat yang menyebabkan ciri-ciri dan tekstur tertentu pada daun keladi justeru menghalang air daripada diserap pada permukaan daun justeru membantu pertumbuhan kulat dan membantu dalam proses fotosintesis.

Kalsium oksalat ini sekiranya dilihat di bawah mikroskop seperti jarum-jarum kristal yang tajam, dan struktur bahan yang sebegini boleh menyebabkan kesan gatal-gatal, sakit, kemerahan dan kerengsaan apabila getahnya terkena pada kulit (Misnan, 2025). Sekiranya daun atau batang keladi itu dipatahkan, keluarlah sejenis cecair putih kekuningan yang likat yang dikenali sebagai getah daun keladi. Masyarakat Melayu sering menyifatkan daun keladi dengan watak buruk atau sifat negatif kerana mengandungi getah yang boleh menyebabkan gatal pada mulut dan perut jika dimakan dengan cara yang salah. Oleh itu, dalam beberapa peribahasa Melayu, daun keladi menjadi simbol orang yang berwatak buruk atau tidak disenangi. Sebagai contoh, *buang daun keladi*, *berselimut daun birah* yang membawa maksud menceraikan isteri yang jahat, kemudian mengahwini dengan perempuan yang lebih jahat (Imayana et. al., 2024). Melalui pemaknaan peribahasa-peribahasa Melayu, dapatlah dilihat bahawa daun keladi sememangnya menjadi simbol kepada seseorang yang berpewatakan buruk. Berikut merupakan gambar rajah daun keladi dan bahagian getahnya.

Rajah 4

Imej Daun Keladi dan Bahagian Getah



Sumber Imej: <https://ecentral.my/daun-keladi/>

Dalam konteks Islam, sifat mencurahkan air ke daun keladi ini boleh disamakan dengan perwatakan manusia yang tidak menerima nasihat, atau enggan berubah walaupun telah diberi peringatan dan nasihat berulang kali. Sifat-sifat ini bertentangan dengan tuntutan agama Islam yang menekankan akhlak mulia, keinsafan dan keterbukaan dalam menerima nasihat serta teguran untuk kebaikan diri dan masyarakat. Golongan yang sukar menerima nasihat ini disebut dalam al-Quran surah Al-A'raf ayat 179, Allah S.W.T berfirman:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ أُذُنٌ لَّا
يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

Maksudnya: “Sungguh, kami benar-benar telah menciptakan banyak dari kalangan jin dan manusia untuk (masuk neraka) Jahanam (kerana kesesatan mereka). Mereka memiliki hati yang tidak mereka gunakan untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan memiliki mata yang tidak mereka pergunakan untuk melihat (ayat-ayat Allah) dan memiliki telinga yang tidak mereka gunakan untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka seperti haiwan ternakan, bahkan lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lengah”. (QS Al-A'raf /7:179).


Berdasarkan ayat di atas, dapat dilihat bahawa Allah golongan yang berlelah merujuk kepada golongan yang kurang peduli, cuai, lalai dan leka (Kamus Dewan Edisi Keempat). Firman Allah ini memaparkan lagi betapa sombongnya golongan ini walaupun telah dikurniakan hati untuk memahami, mata untuk melihat dan telinga untuk mendengar, masih lagi tidak menggunakannya dan memilih untuk berdegil dengan nasihat, ajaran dan petunjuk yang terbukti jelas di depan mata.

Masyarakat Melayu sangat menekankan adab, konteks, dan kebijaksanaan dalam menyampaikan teguran yang boleh dilihat dalam nilai-nilai seperti kesantunan berbahasa, menghormati penerima nasihat dan menyampaikan secara halus atau berhias. Melalui sudut kimia, daun keladi yang bersifat hidrofobik (menolak air) melambangkan individu yang menolak teguran, manakala akarnya yang bersifat hidrofilik (menyerap air) menjadi simbol kepada jiwa atau hati yang terbuka jika dinasihati dengan penuh hikmah. Oleh itu, peribahasa “mencurahkan air ke daun keladi” bukan sekadar menggambarkan usaha yang sia-sia, tetapi turut menegaskan bahawa keberkesanan nasihat bergantung kepada pemilihan cara dan pendekatan yang tepat. Berikut merupakan gambar rajah yang boleh memberikan

kefahaman yang jelas mengenai konsep kimia dan falsafah pemikiran masyarakat Melayu yang terkandung dalam peribahasa.

Rajah 5

Konsep Kimia dan Falsafah Melayu dalam Peribahasa



Sumber imej: Ihsan melalui janaan Aplikasi ChatGPT

Penganalisan Peribahasa Elemen Biologi

Bahagian ini akan menganalisis satu peribahasa berkaitan ilmu biologi. Setiap perkaitan yang dijalinan adalah berdasarkan simbolisme yang digunakan dalam peribahasa, mencerminkan konsep sains dan akal budi masyarakat Melayu.

Data 3:

Elemen	Peribahasa	Maksud
Biologi	Haruan makan anak	Bapa atau ketua yang memperkosa anak atau anak buahnya

Tahap 1: Semantik Skrip

Peribahasa *haruan makan anak* secara harfiahnya menggambarkan situasi seseorang yang sepatutnya melindungi dan menyayangi seperti seorang bapa, melakukan penganiayaan terhadap anak sendiri.

Tahap 2: Semantik Resonans

Peribahasa ini seseorang yang mengkhianati tanggungjawab yang diamanahkan, seorang bapa yang bertanggungjawab ke atas anaknya tetapi memilih untuk memperkosa sekali gus mencemarkan maruah anak dan keluarganya. Seorang ketua yang sepatutnya bertanggungjawab menjaga kebajikan anak buahnya tetapi bertindak menghancurkan pegangan amanah tersebut. Pengkhianatan yang dilakukan dalam peribahasa ini dilakukan oleh seseorang yang diberi kepercayaan untuk melindungi tetapi melanggar amanah itu hanya kerana tidak dapat mengawal nafsu.

i. Mengulas mengenai sumbang mahram atau ****haruan makan anak**** yang banyak berlaku sekarang, Zahari berkata, puncanya kerana mereka ini jahil hukum agama. Bapa resmi haruan ini tidak dapat mengawal nafsunya serta tiada rasa bertanggungjawab ke atas keluarga terutama sebagai pelindung anak perempuan. Ada juga kes berlaku disebabkan ibu tidak suka bapa berkahwin lain dan membiarkan bapa melakukan persetubuhan dengan anak perempuannya.

(Suraiya Mohd Nor. Lelaki ketua keluarga semakin berkurang. Akhbar, 2001)

i. “Tertuduh mengambil kesempatan atas mangsa yang sepatutnya dilindungi tetapi diperlakukan dengan kejam umpama ****haruan makan anak.**** Harapkan pagar pagar makan padi, harapkan ayah, ayah pemusnah diri,” katanya.

(Minarni Mat Saad. Hukuman setimpal bagi haruan makan anak. Akhbar, 2003)

Berdasarkan data 3, terdapat dua data korpus yang telah dipilih untuk menghuraikan makna dan penggunaan peribahasa *haruan makan anak* tersebut. Pilihan data korpus ini menunjukkan penggunaannya sejajar dengan konteks sebenar dalam kehidupan masyarakat. Melalui pendekatan RRS, berikut merupakan penghuraian kepada contoh-contoh penggunaan peribahasa tersebut pada peringkat kognitif masyarakat Melayu.

Makna peribahasa dalam data (i) dapat dilihat melalui kehadiran anteseden “bapa resmi haruan” yang jelas merujuk kepada bapa yang mempunyai sikap tak sepadan. Makna ini disokong lagi dengan premis tambahan dalam frasa “sumbang mahram” yang bermaksud perlakuan zina, iaitu persetubuhan tidak sah atau haram yang berlaku antara dua orang anggota terdekat yang mempunyai pertalian darah seperti, ayah dan anak perempuan atau abang dan adik perempuannya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Kes ini berlaku atas beberapa faktor, antaranya kegagalan institusi keluarga, terutamanya kanak-kanak yang menjadi mangsa penceraian atau tinggal dalam keluarga yang berkonflik (Maarof, 2023). Hubungan suami isteri yang bermasalah, penceraian, atau kelemahan peranan ibu bapa sebagai pelindung menyebabkan anak-anak terdedah kepada risiko penderaan seksual oleh ahli keluarga sendiri. Menurut Harian Metro (2020), sumbang mahram turut berlaku dalam kalangan penduduk kelas atasan, namun kebanyakannya membabitkan keluarga yang mempunyai tahap ekonomi yang rendah. Hal ini demikian kerana, keadaan rumah dalam kategori keluarga ini kebiasaannya sempit seperti rumah setinggan yang hanya mempunyai dua bilik sahaja menampung lapan hingga sepuluh orang ahli keluarga. Ini menyebabkan berlakunya kurang privasi antara ahli keluarga sehingga batasan antara mereka tidak lagi dijaga.

Selain itu, premis tambahan lain dalam frasa “tiada rasa bertanggungjawab ke atas keluarga” menyokong makna sebenar konteks ujaran peribahasa tersebut. Tanggungjawab seorang bapa yang sepatutnya melindungi anak-anak khususnya anak perempuan sudah diabaikan akibat tidak dapat mengawal nafsu. Makna peribahasa ini juga dapat dilihat melalui premis tambahan dalam frasa “ibu tidak suka bapa berkahwin lain dan membiarkan bapa melakukan persetubuhan dengan anak perempuannya” menunjukkan implikasi daripada masalah hubungan antara suami dan isteri. Golongan isteri yang tidak dapat menerima hakikat suaminya mempunyai perasaan dan nafsu terhadap wanita lain membenarkan suaminya melepaskan nafsu tersebut kepada anak mereka. Perkara ini menunjukkan pengkhianatan yang jelas dilakukan oleh ibu bapa, sepatutnya menyayangi

anak-anak tetapi memilih untuk menghancurkan maruah dan masa depan anak hanya untuk kepentingan sendiri selarilah dengan peribahasa *haruan makan anak*.

Seterusnya, pada data (ii) premis tambahan melalui frasa “mengambil kesempatan atas mangsa” dapat difahami dengan seseorang yang diberikan kepercayaan telah mengambil peluang mengkhianati kepercayaan yang diberikan. Pembaca/pendengar dapat merungkai makna konteks ujaran berikut walaupun dengan ketiadaan anteseden melalui huraian sokongan yang memaparkan perlakuan yang membawa konotasi negatif yang merujuk kepada premis tambahan melalui frasa “harapkan pagar, pagar makan padi, harapkan ayah, ayah pemusnah diri” bertepatan dengan maksud peribahasa. Pagar yang sepatutnya ditugaskan oleh pekebun untuk melindungi tanaman tetapi tidak melaksanakan tanggungjawabnya samalah seperti bapa yang sepatutnya dipertanggungjawabkan untuk melindungi dan memelihara anak perempuannya tetapi menjadi punca kepada kemusnahan diri anaknya tersebut.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif



Rajah 6 Imej Ikan Haruan dan Anak Ikan

Ikan haruan (rujuk rajah 6) atau nama saintifiknya *Channa striata*, ialah ikan air tawar yang mampu untuk mendiami pelbagai jenis habitat seperti sungai, paya, kolam, terusan, tasik dan sawah padi (Talk About Fish, 2025). Ikan ini juga cukup terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu terdahulu kerana manfaatnya dalam bidang perubatan tradisional. Kajian Roy et. al. (2020) menyatakan bahawa ikan haruan terbukti mempunyai pelbagai kelebihan dalam proses penyembuhan luka, antaranya kaya dengan asid amino dan asid lemak penting yang membantu membina kolagen, iaitu komponen utama yang menguatkan dan menyatukan semula tisu kulit. Ikan haruan yang mengandungi asid arakidonik dan asid lemak politaktepu juga mampu merangsang penghasilan prostaglandin, sejenis bahan yang membantu mempercepatkan proses baik pulih tisu. Ikan haruan juga mempunyai sifat antinoseptif atau keupayaan untuk mengurangkan kesakitan dalam, secara tidak langsung dapat membantu mempercepatkan proses pemulihan. Selain itu, kehadiran protein penting seperti aktin, miosin, dan tropomiosin, serta dua jenis kolagen (jenis-I dan jenis-II) memberi kekuatan struktur kepada kulit yang sedang pulih. Kolagen ini juga membantu membentuk tisu granulasi, iaitu tisu baharu yang menutup luka. Ikan haruan juga terbukti merangsang pembentukan salur darah baharu (angiogenesis) dan pembiakan sel yang penting dalam persediaan cantuman kulit. Produk haruan dalam bentuk semburan (aerosol) juga berkesan digunakan sebagai pembalut luka, sambil memberi kelegaan daripada rasa sakit.

Namun begitu, menerusi aspek biologi, ikan haruan (*Channa striata*) turut dikenali dengan tingkah laku kanibalisme, iaitu memakan anak atau sesama spesiesnya apabila berdepan dengan tekanan sumber makanan atau persaingan habitat (Singh Deo et. al., 2017).

Kajian Raizada et. al. (2021) pula menunjukkan bahawa apabila anak-anak ikan haruan ini dibesarkan bersama menggunakan makanan hidup (zooplankton), variasi saiz dalam kalangan mereka meningkat. Perbezaan saiz ini menyebabkan individu yang lebih besar menjadi pemangsa terhadap yang lebih kecil dan kurang mampu untuk bertahan dan akhirnya menjurus kepada kanibalisme intra-kohor. Tingkah laku kanibalisme dalam kehidupan ikan haruan adalah salah satu fenomena semula jadi yang menjadi strategi kepada kemandirian spesiesnya, namun perlu ada pengawalan yang sesuai untuk mengelakkan kepupusan habitat ikan-ikan yang lain. Oleh itu, masyarakat Melayu menterjemah fenomena ini dalam peribahasa sebagai teguran moral terhadap perbuatan tidak berperikemanusiaan.

Dari sudut genetik dan kesihatan, hubungan seksual antara individu yang mempunyai pertalian darah rapat (inses), khususnya antara bapa dan anak, berpotensi membawa kesan buruk terhadap kesihatan genetik keturunan. Kajian Jameel (2024) mendapati bahawa hubungan darah dekat meningkatkan risiko kecacatan lahir sebanyak 1.7 – 2.8% berbanding kadar normal. Tambahan pula, data daripada populasi Timur Tengah tahun 2020 hingga 2022 menunjukkan bahawa sehingga 64% penyakit monogenik akibat perkahwinan darah yang dekat. Fenomena ini boleh dikaitkan dengan konsep kecelaruan kromosom, khususnya kromosom seks seperti XY pada anak lelaki yang mewarisi gen cacat daripada ayah dan ibu yang berkongsi latar belakang genetik yang hampir sama. Tafsiran saintifik ini mengukuhkan makna tersirat peribahasa bahawa perbuatan songsang ini bukan sekadar menyelahi hukum sosial dan agama, tetapi turut membawa implikasi buruk terhadap kelangsungan zuriat.

Menurut perspektif psikologi, tindakan seorang ayah yang menyakiti anaknya, terutama melalui penderaan seksual, memberi kesan trauma yang mendalam kepada mangsa. Kajian meta-analisis terhadap Adverse Childhood Experiences (ACE) antara tahun 2020 hingga 2022 menunjukkan bahawa penderaan seksual dalam kalangan kanak-kanak boleh membawa kepada trauma kompleks (C-PTSD), gangguan kemurungan, masalah kepercayaan, serta kerosakan struktur otak jangka panjang. Peribahasa ini sekali gus menunjukkan peluasan makna daripada perilaku ikan haruan kepada perlambangan sosial, apabila pengkhianatan seorang pelindung bertukar menjadi pemusnah.

Daripada aspek agama Islam pula, hubungan seksual antara individu yang haram dikahwini atas sebab pertalian darah adalah diharamkan secara mutlak, seperti yang dinyatakan dalam surah An-Nisa', ayat 23 yang berbunyi:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ وَخَالَاتُكُمْ وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ وَأُمَّهَاتُكُمْ الَّتِي
أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ مِنَ الرَّضْعَةِ وَأُمَّهُتُ نِسَائِكُمْ وَرَبِّبَاتِكُمُ الَّتِي فِي حُجُورِكُمْ مِّنْ نِّسَائِكُمُ الَّتِي دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَإِن لَّمْ
تَكُونُوا دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ وَخَلَائِلُ أَبْنَائِكُمُ الَّذِينَ مِنْ أَصْلَابِكُمْ وَأَن تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ ۚ
إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَفُورًا رَّحِيمًا ۚ ۲۳

Maksudnya: "Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut): ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemuliharaan kamu dari isteri-isteri yang telah kamu campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telahpun menceraikan kamu), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan diharamkan kamu

menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (QS: 4/23)

Larangan mutlak ini menegaskan batasan perkahwinan dan hubungan seksual sejajar dengan hukum syarak yang menolak keras perbuatan inses kerana membawa kepada pencemaran maruah dan meruntuhkan institusi kekeluargaan. Melalui analisis peribahasa haruan makan anak ini, dapat dilihat bahawa gabungan makna literal dengan makna kiasan. Penggunaan simbol ikan haruan yang biasanya dikaitkan dengan penyembuhan luka juga boleh dilihat melalui konteks kerosakan jiwa, membentuk penegasan dalam penyampaian mesej moral. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu terdahulu berupaya menghubungkan pemerhatian saintifik terhadap alam dengan falsafah hidup, di samping menzahirkan kritikan sosial dan larangan moral melalui peribahasa.


Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa peribahasa Melayu sememangnya kaya dengan bahasa kiasan yang memuatkan pemikiran rasional dan nilai-nilai murni tersirat. Analisis semantik terhadap ketiga-tiga peribahasa membuktikan bahawa masyarakat Melayu menggunakan bahasa sebagai medium untuk menyampaikan ajaran moral, teguran sosial, serta larangan berdasarkan logik akal, nilai budaya, dan pegangan agama. Melalui hasil dapatan kajian pada bab sebelumnya, penulis telah mengenal pasti dapatan analisis semantik terhadap tiga peribahasa Melayu, iaitu “menatang minyak yang penuh” yang mengangkat nilai akal budi dalam membentuk hubungan kekeluargaan dan tanggungjawab sosial, khususnya dalam konteks keibubapaan dan asuhan. Seterusnya, “mencurah air ke daun keladi” membawa konsep penyampaian nasihat atau teguran yang mengambil kira konteks, kaedah, dan saluran komunikasi yang bersesuaian. Selanjutnya, “haruan makan anak” membawa maksud pengkhianatan terhadap amanah dan perlindungan, lebih-lebih lagi apabila individu yang sepatutnya melindungi, seperti seorang bapa, menjadi pemangsa kepada anaknya sendiri. Peribahasa ini menyingkap realiti sosial yang memerlukan pemeliharaan hak dan keselamatan kanak-kanak serta penegasan terhadap nilai dan agama, seiring dengan larangan dalam aspek biologi kerana berisiko mendapat kecacatan genetik dan trauma psikologi yang mendalam.

Kesimpulannya, ketiga-tiga peribahasa ini memperlihatkan dinamika hubungan antara dua pihak, iaitu pemberi dan penerima dan lazimnya dalam konteks keluarga atau didikan. Perbandingan ini menunjukkan bahawa bahasa kesemua peribahasa berfungsi sebagai alat penyampai nilai namun berbeza dari sudut bentuk penyampaian. “menatang minyak yang penuh” cenderung kepada pembentukan nilai positif, manakala “mencurah air ke daun keladi” dan “haruan makan anak” berfungsi sebagai kritikan terhadap perilaku tidak wajar. Konsep ini mencerminkan struktur sosial Melayu yang menekankan pentingnya penjagaan, amanah, dan pendidikan antara generasi. Penemuan ini menyokong pandangan bahawa bahasa peribahasa merupakan cerminan akal budi kolektif masyarakat, dan setiap makna tersirat membawa beban nilai dan pemikiran yang mendalam untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

Rajah 7

Hubungan Konsep Pemberi - Penerima dalam Peribahasa



Penghargaan

Kajian dan penerbitan artikel ini telah dibiayai oleh Research Initiative Grant Scheme (Publication) P-RIGS melalui geran bertajuk “Kearifan Tempatan dalam Peribahasa Melayu: Memperkasakan Pendidikan Lestari melalui Nilai Budaya untuk Kelestarian Alam dalam Era Malaysia Madani” (Projek ID: P-RIGS25-108-0108). Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada pihak penaja atas sokongan dana yang diberikan. Penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

Rujukan

- Al-Quran. (n.d). Surah Al-A’raf:179
Al-Quran. (n.d). Surah Al-Baqarah:74
Al-Quran. (n.d). Surah An-Nahl:125
Al-Quran. (n.d). Surah An-Nisa’:23
Amran, M. N. S. & Nopiah, J. (2020). Peribahasa Melayu berunsurkan burung: Satu analisis budaya dan pendidikan. *International Young Scholars Journal of Languages*.<https://kulliyah.iium.edu.my/klm/wpcontent/uploads/sites/14/2022/04/Peribahasa-Melayu-Berunsurkan-Burung.pdf>
Che Man, M. A., Jalaluddin, N. J., & Kasdan, J. (2022) Latar geografi maritim dan akal budi Melayu dalam pantun. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 10 (2). pp. 33-46. ISSN 2289-1706
Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Akal budi. *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=akal+budi>
Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Bahasa. *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=bahasa>
Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Biologi. *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=biologi>
Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Fizik. *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=fizik>

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Kimia. *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*.
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kimia>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Lengah. *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*.
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=lengah>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Menatang. *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*.
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=menatang>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Sains. *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*.
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sains>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Sumbang mahram. *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*.
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sumbang+mahram>
- Dewek, M. S. & Ali, R. S. (2024). Imej Anggota Badan dalam Peribahasa Melayu Sarawak: Satu Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu (JPM)*, 35(2), 118–137.
- Farhan, M. (2020). Al-Kafi #1671: Adakah anak angkat boleh mewarisi harta pusaka? <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4357-al-kafi-1671-adakah-anak-angkat-boleh-mewarisi-harta-pusaka>.
- Harian Metro. (2020, 18 Julai). *Mencari punca musibah sumbang mahram*.
<https://www.hmetro.com.my/rencana/2020/07/599235/mencari-punca-musibah-sumbang-mahram>
- Hermandra, Iryani, I. A., Fiska, J. S. & Fajri, M. (2024). Peribahasa Melayu Bermetafora Air: Implikasi Terhadap Analisis Semantik Kognitif. *Journal of Social Science Research*, 4(2).
- Imayana, Hermandra & Sinaga, M. (2024). Daun dalam Peribahasa Melayu: Kajian Semantik Kognitif. *Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan (JIIP)*, 7(4).
- Isam, H & Abd. Mutalib, H. (2017). Simbol minyak dalam peribahasa Melayu: Analisis makna dari perspektif linguistik kognitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia*.
- Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalaluddin, N. H. (2017). *Semantik dan interpretasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jameel, T. et. al. (2024). Consanguineous marriages, premarital screening, and genetic testing: a survey among Saudi university students. *Public Health Education and Promotion*, 12. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2024.1328300>
- Juhari, H. (2024). Daun Keladi: Khasiat Pada Kesihatan & Cara Tanam yang Betul. *eCentral*.
<https://ecentral.my/daun-keladi/>
- Kamus Dewan Edisi Keempat*.(2014). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasdan, J., Nopiah, J., Fital, S. T. N., Handayani, D., Shamsuri, A. S. (2025). A Semantic Analysis of 'Naga' (Dragon) in Malay Proverbs. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(3). <https://dx.doi.org/10.47772/IJRISS.2025.90300161>
- Low, J. W., Wee, X. H., Khoo, Y. T. & Anuaruddin, N. F. F. (2024). Persepsi Guru terhadap Pengaruh Bahasa Ibunda semasa Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, 14(1), 1-18.
- Maarof, B. (2023). Sumbang mahram: Pelindung jadi perosak kanak-kanak. *IKRAM*.
<https://ikram.org.my/sumbang-mahram-pelindung-jadi-perosak-kanak-kanak/>
- Makhtar, N. K. & Aminorhuddin, N. A. (2024). Penguasaan Peribahasa dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Menggunakan Permainan JUPERMA 1.0. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 12(1).
<https://doi.org/10.47252/teniat.v12i1.1172>

- Md Nasir, M. R. & Subet, M. F. (2019). Analisis semantik inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227–253. <https://doi.org/10.32890/mjli2019.16.2.9>
- Md Nasir, M. R. & Subet, M. F. (2023). Malay Proverbs in Inquisitive Semantics Approach Lens: The Case of Malaysian Textbooks. *Indonesian Journal of Applied Linguistics (IJAL)*, 13(2), 317-332.
- Misnan, A. (2025). Bahaya si cantik depan rumah – keladi hiasan. *USM Penawar Racun*. <https://penawaracun.usm.my/bil-62/1205-bahaya-si-cantik-depan-rumah-keladi-hiasan>
- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., Kasdan, J. (2017). Elemen Dualisme dalam Peribahasa: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 10. 66-88
- Raizada, S., Singh, S., Singh, S. K., Prakash, S., & Singh, A. K. (2021). Cannibalism mitigation in striped murrel, *Channa striata*, with hatchery seed weaned on pellet diet: A review. *Reviews in Aquaculture*, 14(2), 536–551. <https://doi.org/10.1111/raq.12613>.
- Roseli, S. (2021, 23 Februari). *Fizik T5 KSSM: 1.3 Keseimbangan Daya*. AnyFlip. <https://anyflip.com/ckfm/gwjj/basic/>
- Roy et. al. (2020). Feed types affect the growth, survival and cannibalism in early juvenile of striped snakehead (*Channa striata* Bloch.). *Egyptian Journal of Aquatic Research*, 46(4), 377–386.
- Said, S.H, (2015). Kamus peribahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saimon, A & Md Rashid, M. A. (2022). Konsep Kepimpinan dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 12(1), 6–17.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Blackwell.
- Subet, M. F., & Md Nasir, M. R. (2019). Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227–253. <https://doi.org/10.32890/mjli2019.16.2.9>.
- Sulastri, L., & Simanjuntak, P. (2019). Senyawa kimia sterol dari kultur jaringan keladi tikus (*Typhonium divaricatum* Decne). *Jurnal Ilmiah Manuntung*, 5(2). <https://ejurnal.polsri.ac.id/index.php/manuntung/article/view/1749>.
- Singh Deo, S. K. (2018). Effect of feeding rate on growth, survival and cannibalism in striped snakehead (*Channa striata*) fingerlings. *Journal of Experimental Zoology India*, 21(1), 205-210.
- Talk About Fish. (n.d.). *Snakeheads (Channa striata)*. https://www.talkaboutfish.com/freshwater-fish/snakeheads/?utm_source=chatgpt.com
- Utami, S. N. (2024). Mengapa daun talas tidak basah ketika terkena air? *Kompas Skola*. https://www.kompas.com/skola/read/2024/07/22/200000469/mengapa-daun-talas-tidak-basah-ketika-terkena-air-#google_vignette
- Wahab, H. N., Ismail, W., Ariffin, Z. Z. & Hussain, S. (2024). Perbandingan Peribahasa Melayu, Sepanyol, dan Arab Bertemakan Usaha dalam Aspek Ekonomi: Satu Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Melayu Sedunia*, 7(1), 51-68.
- Wilda, D. R., Hermendra, H., & Sinaga, M. (2024). Natural elements in Malay proverbs: An inquisitive semantic analysis. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 12(1). <https://doi.org/10.24036/jbs.v12i1.127905>